

OUCH!

Surat Berita Bulanan Kesedaran Keselamatan untuk Anda

Pembersihan Musim Bunga

Gambaran Keseluruhan

Kebanyakan daripada kita sangat menantikan musim bunga! Landskap mula terbentuk, bunga mula mekar, dan, bagi kebanyakan orang, terdapat keinginan untuk melakukan pembersihan pada musim bunga. Sungguhpun mungkin mudah untuk melihat keperluan untuk membersihkan dan merapikan, menyedari keperluan untuk pembersihan digital adalah tidak begitu jelas. Berikut adalah beberapa tips untuk anda mendapatkan kehidupan digital yang teratur dan menetapkan tabiat digital yang baru:



SANDARAN: Kami menyenaraikan langkah ini terlebih dahulu kerana, dalam jangka masa panjang, ia adalah salah satu langkah yang paling penting dan satu langkah yang anda ingin ambil sebelum beralih kepada yang lain. Tidak kira betapa selamat keadaan anda, pada satu ketika, anda mungkin memerlukan sandaran untuk memulihkan maklumat penting anda. Sebab-sebabnya boleh termasuk kegagalan cakera keras, kehilangan peranti, dan dijangkiti *malware* seperti *ransomware*. Membuat dan menjadualkan sandaran automatik akan memastikan anda dapat memulihkan maklumat penting anda.



PADAM: Padam sebarang program atau aplikasi yang tidak digunakan pada peranti mudah alih dan komputer anda. Sesetengah aplikasi memerlukan simpanan yang besar, dapat memperkenalkan kelemahan baru, dan mungkin memperlahankan. Semakin sedikit aplikasi yang anda miliki, semakin selamat sistem dan maklumat anda. Banyak peranti menunjukkan kepada anda berapa lama sejak anda menggunakan sesebuah aplikasi-jika sudah lebih dari beberapa bulan, kemungkinan besar anda tidak memerlukan aplikasi tersebut!



KEMAS KINI: Kemas kini semua peranti dan aplikasi yang anda ada, dan sebolehnya, tetapkan kemas kini automatik. Dengan cara ini, peranti dan aplikasi anda kekal semasa, bukan sahaja memastikan ia berfungsi dengan lebih pantas tetapi menjadikan lebih sukar bagi sesiapa sahaja untuk menggodamnya.



KATA LALUAN: Semak kata laluan anda. Sekiranya anda menggunakan kata laluan yang sama untuk pelbagai akaun, ubahnya supaya setiap akaun mempunyai kata laluan yang unik. Tidak ingat semua kata laluan unik anda? Pertimbangkan untuk menggunakan pengurus kata laluan. Akhir sekali, sebolehnya tetapkan pengesahan dua faktor (2FA) terutamanya untuk sebarang e-mel atau akaun kewangan.



AKAUN KEWANGAN: Pastikan akaun bank, akaun kad kredit dan akaun persaraan anda dikonfigurasi untuk memaklumkan anda apabila transaksi dilakukan, terutamanya untuk pembelian besar atau pemindahan wang. Semakin cepat anda mengesan aktiviti penipuan, semakin cepat anda dapat menghentikannya. Bergantung kepada negara yang anda diami, pembekuan kredit boleh menjadi salah satu cara yang paling berkesan untuk melindungi identiti anda.



PELAYAR: Semak sebarang dan semua *add-ons* atau *plugin* yang dipasang pada pelayar anda. Semak tetapan kebenaran; adakah *plugin* benar-benar memerlukan akses kepada lokasi, kata laluan atau senarai kenalan anda? Sekiranya anda tidak lagi menggunakan *plugin* tertentu, atau mempunyai kebimbangan privasi tentangnya, padamkannya.



MEDIA SOSIAL: Semak kehadiran dalam talian anda dan miliknya. Semak tetapan privasi anda dan padamkan sebarang gambar dan video yang tidak lagi diakses atau diperlukan. Anda juga boleh mencari diri anda di enjin carian dan melihat maklumat yang ada mengenai anda. Ingat, adalah baik untuk menghadkan berapa banyak maklumat yang anda kongsi, dan juga dengan siapa anda memilih untuk berkongsi maklumat tersebut.



MEJA: Bersihkan laci meja anda, buang mana-mana pemacu keras dan USB lama, dan mungkin musnahkan sebarang nota melekit yang mempunyai terlalu banyak maklumat. Pertimbangkan untuk melabur dalam mesin pencincang dokumen jika anda tidak.



E-MEL: Lakukan pembersihan fail e-mel, padamkan apa yang anda tidak perlukan, dan aturkan apa yang anda lakukan. Beri perhatian khusus kepada mana-mana dokumen sensitif, seperti dokumen yang mempunyai tarikh lahir atau nombor Keselamatan Sosial, dan keluarkan daripada peti masuk anda!

Walaupun ini mungkin kelihatan seperti satu tugas yang menakutkan, yakinlah bahawa peranti dan maklumat anda akan lebih dilindungi. Sekiranya perkara ini kelihatan seperti banyak, pertimbangkan untuk memilih hanya beberapa item, atau cuba untuk memeriksa satu item setiap hari atau minggu. Setiap langkah kecil akan membuahkan hasil untuk melindungi anda.

Editor Jemputan

Katie Nickels (@LiketheCoins) merupakan Penganalisa Perisikan Utama dengan Red Canary serta Pengajar SANS untuk FOR578: Perisikan Ancaman Siber. Beliau telah bekerja dalam pertahanan rangkaian, tindak balas kejadian dan perisikan ancaman siber selama lebih satu dekad.



Sumber

Ada Sokongan:

<http://www.sans.org/u/ZVr>

Menjadikan Kata Laluan Mudah:

<http://www.sans.org/u/ZVw>

Cari Diri Anda Dalam Talian:

<http://www.sans.org/u/ZVB>

Melupuskan Peranti Mudah Alih Anda:

<http://www.sans.org/u/ZVG>

OUCH! diterbitkan oleh SANS Security Awareness dan diedarkan di bawah lesen Creative Commons BY-NC-ND 4.0. Anda bebas untuk berkongsi atau mengedarkan surat berita ini selagi anda tidak menjual atau mengubahnya. Lembaga Editor: Walt Scrivens, Phil Hoffman, Alan Waggoner, Cheryl Conley